

Resensi Penghujahan ‘*aqli* dalam Ilmu Kalam: Kajian Terhadap Kitab *Faridah al-Faraid fi ‘Ilm al-‘Aqid*

Ahmad Murshidi bin Mustapha¹
Ahmad Misbah bin Mohamad Hilmi²
Mohd Rofaizal bin Ibhram³
Hamid bin Mat Isa⁴

Abstrak

Islam tidak menolak penggunaan hujah ‘*aqli* selagi mana dilandasi batasan syariat. Perbincangan hujah ‘*aqli* dirungkaikan oleh para ulama bagi memastikan penggunaannya tidak menyalahi syarak serta tidak mengelirukan manusia dalam memahami syariat Islam. Fokus kajian ini tertumpu kepada hujah ‘*aqli* yang digunakan dalam kitab *Faridah al-Faraid Fi ‘Ilmi al-‘Aqid* karangan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani. Kajian ini adalah bagi mengenalpasti peranan hujah ‘*aqli* dan juga metode penghujahan hujah ‘*aqli* oleh pengarang kitab tersebut. Penggunaan hujah-hujah ini mampu menambah kefahaman dalam perbincangan aspek ilmu kalam. Kajian kualitatif ini akan menganalisa dokumen dan teks terutamanya terhadap kitab tersebut. Data yang diperolehi akan dianalisis dengan metode analisis kandungan. Hasil yang diperolehi menunjukkan bahawa kesesuaian hujah yang digunakan oleh pengarang mudah difahami dan kaitan hujah ‘*aqli* antara satu sama lain memudahkan pemahaman perkara yang dibincangkan. Hubungkait hujah ‘*aqli* dengan hujah *naqli* juga dapat menambah kekuatan penghujahan dalam perbincangan. Dapatan daripada kajian ini dapat memberi sumbangan dalam meneroka dan menguasai hujah ‘*aqli* bersesuaian dengan kehendak semasa terutama dalam aspek ilmu kalam. Penguasaan hujah-hujah ini amat perlu bagi menambah kefahaman dan keyakinan khusus bagi umat Islam agar mampu menolak sebarang keraguan yang timbul terutama yang berkaitan dengan akidah.

Kata kunci: *Resensi, hujah ‘aqli, ilmu kalam, faridah al-faraid fi ‘ilmi al-‘aqaid*

¹ ahmadmurshidi@kuis.edu.my
² ahmadmisbah@kuis.edu.my
³ mohdrofaizal@kuis.edu.my
⁴ hamid@kuis.edu.my

PENDAHULUAN

Akidah merupakan kepercayaan dan keyakinan dalam hati seseorang yang berlandaskan kepada pegangannya. Akidah yang betul ialah pegangan yang bertepatan dengan dalil syarak dan hakikat realiti. Dalam melestarikan akidah berdasarkan kepada *maqasid shariah*, pengamalan agama perlu dizahirkan dan amar makruf nahi mungkar mesti dilaksanakan untuk menghapus ajaran sesat, perkara bid'ah dan seumpamanya⁵.

Dalam konteks penghujahan ilmu akidah atau ilmu kalam, para ulama menggunakan hujah *naqli* dan hujah *'aqli*. Menurut al-Ghazali, hujah ialah:

والحجة هي التي يؤتى بها في اثبات ما تمس الحاجة الى اثباته من العلوم التصديقية.

Ertinya: "hujah ialah apa yang dipakai dalam menetapkan sesuatu yang perlu ditetapkan dari ilmu-ilmu tasdiqiyah (ilmu yang menetapkan kebenaran)"⁶.

Bagi mencapai kedudukan yang *jazm* (keyakinan yang teguh) dalam akidah, para ulama telah menetapkan bahawa pendalilan atau penghujahan adalah melalui *naqli* dan *'aqli*. Pendalilan *'aqli* diterima oleh para ulama dalam kerana ia melibatkan penelitian, analisis, pembuktian, dan penyusunan maklumat. Kedua-dua hujah ini bergantung antara satu sama lain⁷. Skop penggunaan hujah *'aqli* tidak hanya tertumpu dalam bidang fiqh sahaja, bahkan mencakupi ilmu-ilmu lain dan termasuk juga ilmu kalam. Pembuktian dalam ilmu kalam melalui hujah *'aqli* banyak digunapakai oleh para ulama memandangkan ruang perbahasan dalam ilmu ini memerlukan hujah yang berbentuk logikal untuk memberi keyakinan terhadap sesuatu perkara. Namun, isu kontradiksi antara *'aqli* dan *naqli* tetap timbul tetapi perlu ditangani dengan sewajarnya.

Menurut al-Ghazali, mengemukakan prinsip tidak ada kontradiksi antara *'aqli* dan *naqli* merupakan sikap paling moderat (pertengahan). Dalam isu ini, ada tiga kelompok yang terbahagi menjadi lima golongan, iaitu yang berpegang kepada *nas* (*manqul*), golongan yang berpegang kepada akal (*ma'qul*), dan golongan pertengahan. Golongan pertengahan ini terbahagi kepada tiga, iaitu yang menjadikan *manqul* sebagai asas dan *ma'qul* sebagai pelengkap, yang menjadikan *ma'qul* sebagai asas dan *manqul* sebagai pelengkap, dan yang menjadikan *manqul* dan *ma'qul* kedua-duanya sebagai asas. Ini kerana, mereka memandang tidak ada kontradiksi antara kedua-duanya⁸.

Dalam konteks ilmu kalam, hujah *'aqli* digunakan untuk menetapkan akidah keimanan, menolak keraguan yang timbul dan menetapkan keimanan kepada Allah, sifat-sifatNya serta rasul-rasulNya⁹. Penghujahan atau pendalilan *'aqli* dalam ilmu kalam

⁵ Jasni Bin Sulong. (2016). *Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis Daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-undang Dan Fatwa Di Pulau Pinang*. Jurnal Afkar, Universiti Malaysia. Vol. 18

⁶ Al-Ghazali. (t.t). *Mi'yar al-'Ilm*. Ed. Sulaiman Dunya. Mesir: Dar al-Ma'arif. h. 68

⁷ Wahbah Al-Zuhaili. (1999). *Al-Wajiz Fi Usul Al-Fiqh*. Beirut: Dar Al-Fikr Al-Mu'asir. h. 22

⁸ Saeful Anwar. (2007). *Filsafat Ilmu Al-Ghazali: Dimensi Ontologi dan Aksiologi*. Bandung: Pustaka Seri Setia Bandung. Cet. 1. h. 244

⁹ Al-Sayid Rizq al-Hajar. (2007). *Masailu al-'Aqidah Wa Dalailuha Baina al-Burhaniyyati al-Quraniyyah Wa al-Istidlal al-Kalami*. Idarah al-Da'wah Wa al-Ta'lim. Bil. 223. h. 17

menurut mazhab Asha'irah adalah untuk menguatkan *istidlal* yang diambil daripada al-Quran dan Sunnah¹⁰.

Fokus kajian ini ialah kepada kitab *Faridah al-Faraid fi Ilm al-'Aqid*, karangan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zin al-Fatani. Kajian ini hanya tertumpu pada perbincangan bagi hujah sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah atau lebih dikenali dengan istilah sifat dua puluh atau sifat tiga belas dalam skop perbincangan akidah menurut al-Maturidi dan al-Asha'irah. Penelitian khusus adalah terhadap hujah-hujah akal dalam kitab beliau terhadap aspek-aspek tersebut. Kajian kualitatif ini menggunakan metode penerokaan secara khusus terhadap teks-teks kitab sebagai subjek kajian dan juga kajian-kajian terdahulu yang berkaitan.

PENGENALAN KITAB FARIDAH FARAIID

Kitab *Faridah al-Faraid fi Ilm al-'Aqid* merupakan karangan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zin bin Mustapha bin Muhammad al-Fatani. Pengarang menyusun karangan beliau ini mengikut manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah, mengikut mazhab Imam al-Ash'ari. Hal ini dinyatakan pada awal kitab beliau :

“...yang dibangsakan kepada Imam Abi al-Hasan al-Asy'ari mazhabnya...”¹¹.

Karya ini telah dimurnikan kembali oleh cucu beliau sendiri, Haji Wan Muhammad Shaghir Abdullah dengan berjudul *Faridah al-Faraid Sheikh Ahmad al-Fatani (Akidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah Yang Sejati)*, Edisi Penyempurnaan. Kitab *Faridah al-Faraid fi Ilm al-'Aqid* dikarang dalam bahasa Melayu tulisan Jawi dan mengikut pertuturan loghat Fatani¹², sebagaimana yang disebut oleh pengarang sendiri dengan kata beliau:

“...lagi kepada Melayu bahasanya lagi Fatani tuturannya...”¹³.

Pendahuluan kitab dimulakan dengan pujian, selawat dan salam serta pengenalan awal kitab tersebut. Penulis menggunakan bahasa Arab sebagai pendahuluan tersebut dan diterjemahkan maksudnya dalam bahasa Melayu. Rangkuman kitab ini meliputi tiga asas utama dalam perbincangan ilmu usuluddin iaitu ketuhanan, kenabian dan perkara-perkara ghaib. Secara umumnya dapat dipecahkan perbincangan dalam kitab ini kepada beberapa bahagian. Antaranya ialah pendahuluan, yang mana pengarang memulakan dengan pengenalan kepada ilmu akidah, rukun Islam, rukun iman dan pembahagian wajib serta mustahil beserta pengertiannya. Seterusnya membicarakan sifat-sifat Allah yang wajib, mustahil serta harus. Diikuti perbincangan berkaitan rasul-rasul beserta dengan sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi seorang rasul. Kemudian dinyatakan keperluan menjaga *kulliyat al-khams* iaitu agama, jiwa, akal, nasab dan harta. Dinyatakan juga perkara-perkara yang membatalkan akidah dan diakhiri kitab ini dengan perbincangan beberapa perkara-perkara ghaib seperti azab kubur, *mizan*, *sirat*, syafaat, dan sebagainya.

¹⁰ Muhammad Al-Zuhaili. (2011). *Mazhab Al-Asy'ariah Prinsip dan Sejarahnya*. Terjemahan Zulkifli Mohamad Al-Bakri. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. h. 19

¹¹ Ahmad bin Muhammad Zin. (2007). *Faridah al-Faraid fi 'Ilmi al-'Aqid*, Fatani: Matba'ah bin Halabi. h. 2

¹² Muhammad Zaidi Abdullah (2012), *Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal-Jamaah: Satu Keluhuran dan Kemurniaan Hidup*, Shah Alam: Print Expert Sdn.Bhd. cet. 2, h. 57

¹³ *Op-cit.* Ahmad bin Muhammad Zin. (2012). h. 2-3

Menurut Wan Shaghir kitab ini adalah antara kitab yang paling banyak diajarkan di dunia Melayu, bahkan di beberapa tempat di Aceh masih lagi diteruskan pengajian kitab ini sehingga sekarang. Cetakannya yang pertama oleh *Matba'ah al-Miriyah al-Kainah* di Mekah dan sehingga kini diulangi cetakannya di beberapa buah syarikat percetakan di Mesir, Singapura dan juga Malaysia. Kitab ini menjadi tuntunan para pelajar pondok secara khusus sebagai salah satu kitab yang wajib dipelajari dalam ilmu usuluddin. Karya ini selesai pada tahun 1313 H bersamaan 1895 M¹⁴. Kebanyakan kitab-kitab ulama Patani seperti kitab ini menjadi buku teks dan rujukan kerana diterjemahkan daripada teks-teks Arab dan juga ditulis berdasarkan susunan bahasa Arab¹⁵.

BIOGRAFI SYEIKH AHMAD BIN MUHAMMAD ZIN AL-FATANI

Beliau ialah Ahmad bin Muhammad Zain dan dilahirkan pada 5 Syaaban tahun 1272 H bersamaan 10 April 1856 M di Kampung Sena Janjar, Kampung Jambu, Negeri Jerim. Beliau berhijrah meninggalkan Fatani menuju ke Mekah bersama ibu bapa beliau ketika berumur empat tahun. Pada ketika itu, beliau telah menunjukkan keperibadian yang agak berbeza dengan kanak-kanak lain yang sebaya dengannya apabila mula menghafal pelbagai jenis matan seawal umur dua tahun lagi. Seterusnya beliau menuntut pula di Baitul Maqdis selama dua tahun dan merupakan orang Melayu pertama melanjutkan pengajian ke sana. Kemudiannya beliau melanjutkan pengajian ilmu di Masjid Jami' al-Azhar, Mesir. Dikatakan beliau pakar dalam 47 ilmu pengetahuan¹⁶.

Antara guru-guru beliau di kalangan bangsa Arab ialah Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah. Selain itu beliau turut berguru dengan Syeikh Mustafa al-'Afifi, Sayyid 'Umar al-Shami al-Baq'a'i, Sayyid Muhammad Ali bin Sayyid Zahir al-Watri dan Syeikh 'Abd al-Qadir al-Shibli al-Tarablusi. Manakala guru-guru beliau yang berketurunan Melayu pula ialah Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fatani yang lebih dikenali dengan Syeikh Nik Mat Kecik al-Fatani dan Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Fatani yang kesemuanya berasal dari Fatani. Dalam pada itu juga Syeikh Ahmad al-Fatani turut menuntut daripada ulama-ulama Kelantan yang bermastautin di Mekah antaranya Syeikh Muhammad Said bin Isa al-Kalantani, Syeikh Abdul Muttalib Kuta dan Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani¹⁷.

Syeikh Ahmad mempunyai ramai anak murid khususnya dari alam Nusantara yang kebanyakannya menjadi ulama tersohor di rantau ini¹⁸. Dari Patani sendiri jumlahnya tidak kurang dari 23 orang yang antaranya Syeikh Abdullah bin Qasim Senggora, Syeikh Muhammad bin Idris al-Fatani dan Syeikh Muhammad bin Hussein bin Abdul Latif al-Fatani. Anak murid beliau dari Malaysia juga tidak kurang hebatnya sehingga jumlah yang dicatatkan melebihi 38 orang bahkan ada di kalangan sultan seperti Sultan Mansor yang merupakan sultan Kelantan dan Sultan Zainal Abidin iaitu sultan negeri Terengganu.

¹⁴ *Op-cit.* Muhammad Zaidi Abdullah (2012). h .57

¹⁵ Abdul Ramae Sulong. (2017). *Pengaruh Karya Ulama Patani Terhadap Pendidikan Di Alam Melayu.* Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017. Faculty of Islamic Studies Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Malaysia, Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University, Thailand. h .9

¹⁶ Katalog Pameran Manuskrip Melayu, Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu kedua 15-20 Ogos 1989. Perpustakaan negara Malaysia. h. 5

¹⁷ Wan Mohd Shaghir Abdullah. (1992). *Al-'Allamah Syeikh Ahmad al-Fatani ahli fikir Islam dan Dunia Melayu.* Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah. Jil. 1. h. 1-200 & Wan Mohd. Shaghir Abdullah. (2000). *Wawasan pemikiran Islam ulama Asia Tenggara.* Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah. Jil.2. h. 83-123.

¹⁸ Wan Mohd Shaghir Abdullah. (1990). *Fatawa Tentang Binatang Hidup Dua Alam Syeikh Ahmad al-Fatani.* Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi. h. 42-53

Selain itu, yang sempat dimuatkan di sini ialah antaranya Syeikh Abdul Samad bin Muhammad Saleh yang lebih dikenali dengan Tuan Tabal, Syeikh Wan Sulaiman bin Sidiq, Mufti Kedah dan Tuan Guru Haji Omar bin Ismail, Sungai Keladi, Kota Bharu, Kelantan. Tidak ketinggalan juga, Syeikh Ahmad al-Fatani menjadi tumpuan anak-anak kelahiran Cam/Kemboja untuk berguru seperti Hj. Muhammad Saleh, Tengku Sulaiman dan Tuan Guru Haji Muhammad Tahir Kemboja. Beliau turut mempunyai anak murid yang ramai dari Indonesia yang bilangan mereka dikatakan lebih daripada 23 orang seperti Syekh Sulaiman al-Rasuli, Syekh Muhammad Jamil Jaho dan juga Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Minangkabawi¹⁹.

Ayah kepada enam orang anak ini menguasai pelbagai bidang ilmu meliputi ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab, usul, tafsir, hadis, fikah dan lain-lain. Syeikh Ahmad al-Fatani telah mengarang lebih daripada 160 buah kitab sama ada dalam bahasa Arab atau bahasa Melayu termasuk kitab-kitab yang ditashih. Dalam bahasa Arab sahaja kitab-kitab karangan beliau melebihi 32 buah yang antaranya ialah *Jumanat al-Tawhid*, *Tashil Nayl al-Amani* dan *‘Ilm al-Sarf*. Manakala kitab-kitab yang dikarang dalam bahasa Melayu pula tidak kurang daripada 22 buah. Antaranya *Hadiqat al-Azhar*, *Bahjat al-Mubtadin* dan *Faridat al-Fara’id*²⁰. Selain daripada kitab *Faridatul al-Faraid fi ‘Ilm al-‘Aqid*, terdapat karya tauhid lain yang dikarang oleh Sheikh Ahmad al-Fatani dalam bahasa Arab, iaitu:

1. *Sabil al-Salam*. Karya ini merupakan syarah bagi karya gurunya, Sheikh Muhammad Sulaiman Hasbullah yang bertajuk *Hidayatul ‘Awwam*.
2. *Risalah Jumanatut Tauhid*. Disusun dengan rentak syair Arab.
3. *Munjiyat ul-‘Awwam*. Disusun dengan rentak syair Arab.

Sumbangan beliau bukan sahaja dalam penulisan kitab, akan tetapi beliau juga mentashih beberapa kitab ulama lain²¹. Antara kitab berbahasa Melayu yang ditashih oleh beliau ialah *Tafsir Baidhawi* karangan Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri, *Furu’ al-Masa’il* karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan *Tuhfat al-Raghibin* tulisan Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. Antara kitab-kitab bahasa Arab yang ditashih beliau ialah *I’anat al-Talibin* oleh Sayyid Abu Bakar Shata, *al-Ajrumiyyah* karangan Imam Shanhaji dan *al-Kharidat al-Bahiyah* tulisan Syeikh Abdullah bin Usman Makki²².

Tokoh agung Nusantara yang telah menabur bakti mengajar selama 25 tahun di Masjidil Haram²³ ini akhirnya menemui Ilahi di Mina ketika sedang mengerjakan haji sunat pada malam 11hb. Zulhijjah 1325H bersamaan 14 Januari 1908 dan disemadikan di Mekah di perkuburan Ma’la di bawah kaki Umm al-Mukminin Siti Khadijah²⁴.

PERANAN AKAL DALAM PENGHUJAHAN

Penghujahan yang digunakan oleh para ulama dalam mengeluarkan sebarang hukum fiqh pada asasnya terikat kepada hujah *naqli* dan *‘aqli*. Penggunaan *‘aqli* dalam berhujah

¹⁹ *Ibid*. H. 42-53

²⁰ *Op-cit*. Wan Mohd Shaghir Abdullah. (1992). H. 1-100

²¹ Che Ku Nur Saliehah. (2017). *Sheikh Ahmad Fatani & his Contribution in (Fiqh) Islamic Jurisprudence Writing*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 2017. Vol. 7. No. 4

²² *Op-cit*. Wan Mohd Shaghir Abdullah (1990 & 2000).

²³ Wan Mohd. Shaghir Abdullah. (2005). *Tuan Mukhtar Bogor Ulama Ahli Syariat dan Haqiqat* dalam Mega (Utusan Malaysia), Kuala Lumpur. H. 18

²⁴ Beliau meninggal akibat mati sebelah badan yang dikenali ketika ini dengan penyakit angin ahmar. Lihat *op-cit*. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990). H. 60

sememangnya signifikan dan tidak boleh dinafikan keperluannya sebagai elemen *istinbath* hukum. Penggunaannya tidak hanya terbatas kepada penghujahan bagi hukum fiqh sahaja, bahkan dalam aspek akidah juga digunakan hujah tersebut sebagai salah satu proses *isbath* keimanan. Kedudukan akal yang dinyatakan dalam al-Quran adalah dalam bentuk yang pelbagai sama ada dengan lafaz akal secara langsung atau melalui hasil penggunaan akal seperti mendapat kejayaan dan sebagainya²⁵. Fungsi akal dilihat pada tiga aspek iaitu pertama sebagai mengkaji dan menyelidik maklumat ataupun ilmu. Keduanya, maklumat tersebut akan diterima, diingati dan disimpan. Pada kedudukan ini akal berfungsi sebagai khazanah yang menyimpan maklumat yang telah diperolehi. Ketiga, akal berfungsi sebagai dalam mengeluarkan ilmu melalui pelbagai saluran seperti komunikasi dan lain-lain²⁶. Di sini akan dijelaskan beberapa daripada pendapat para ulama yang menyokong hujah 'aqli ini dalam penghujahan sama ada di sisi *usuliyun*, *fukah* dan juga ulama kalam.

Pandangan ulamak usul fiqh

Para *usuliyun* membahaskan kedudukan akal sebagai pertimbangan untuk penetapan hukum dalam aspek *maqasid shari'ah*. *Kulliyat al-khams* dalam maqasid diutamakan kerana melibatkan penjagaan agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Akal dipertimbangkan dari sudut kewarasan untuk disabitkan dengan sesuatu hukum. Ulama bersepakat bahawa syariat diturunkan adalah untuk menjaga *kulliyat al-khams* tersebut²⁷.

Penggunaan hujah 'aqli dibahas dalam ilmu usul fiqh daripada pelbagai aspek. Sebagaimana perbincangan usul fiqh itu sendiri merangkumi beberapa perkara seperti perbincangan berkenaan dengan dalil-dalil, hukum, ijtihad dan sebagainya, maka hujah 'aqli ini juga berkait rapat dengan perkara-perkara tersebut. Sebagai contoh, dalil-dalil yang digunakan oleh para ulama untuk istinbat hukum. Terdapat dua dalil iaitu *naqliyah* dan 'aqliyah yang mana antara dalil 'aqliyah tersebut terdiri daripada *istihsan*, *al-qiyas*, *al-istishab*, *masalih mursalah* dan *sad al-zara'ie*²⁸. Namun, hujah 'aqli ini masih perlu berdampingan dengan hujah *naqli* dalam penetapan hukum syarak.

Akal juga berperanan dalam perbincangan aspek maqasid. Dalam penilaian hukum berdasarkan *maqasidi*, tentunya hujah 'aqli akan memainkan peranan supaya hukum yang diputuskan adalah selari dengan maqasid serta *waqi'*. Namun, penggunaan *maqasidi* tanpa batasan nas-nas syarak adalah satu kesilapan besar. Golongan yang mengutamakan kemaslahatan duniawi akan menggunakan wasilah maqasid yang akan membawa kepada pemikiran yang liberal. Akal dan *waqi'* akan digunakan untuk memahami nas mengikut kemahuan mereka²⁹.

²⁵ Abdullah al-Rubaba'ah (2016). Al-'Aqlu Wa Makanatuhu Fi al-Quran Wa al-Sunnah. Diperolehi dari laman sesawang <https://aliftaa.jo/Research.aspx?ResearchId=100#.Xqfa0q7ivD5>. Tarikh akses 28 April 2020.

²⁶ Shahir Akram Hasan. (2017). *Kedudukan Wahyu Dan Akal Dalam Penghujahan Berdasarakan Ilmu Mantik*. Jurnal Sains Humanika. Universiti Sains Malaysia. Vol. 9. h. 20.

²⁷ Ahmad Murshidi Mustapha. (2019). *Aplikasi Darurah Dalam Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Sultan Zainal Abidin. h. 116

²⁸ Wahbah al-Zuhaili. (1999). *Al-Wajiz Fi Usul Al-Fiqh*. Damsyik: Dar al-Fikr. Cet. 1. h. 22

²⁹ Muhammad Syafiq Ismail. (2016). *Akal Dan Nas: Antara Zahiriyah Dan Maqasidiyah*. Kertas kerja yang dibentangkan di Simposium Mahasiswa Malaysia Arab Saudi kali ke-2, anjuran Persatuan Mahasiswa Malaysia Arab Saudi (PERSADA Madinah), dengan kerjasama Persatuan Pelajar Malaysia Riyadh (PPM Riyadh) dan Persatuan Pelajar Malaysia Mekah (PPM Mekah), bertempat di Dewan Tsaqafah, Univ. Islam Madinah, pada 19 Mac 2016. h. 9

Pandangan ulamak fiqh

Hukum fiqh yang diputuskan oleh para *fuqaha* adalah berdasarkan kepada dalil-dalil yang telah diperbahaskan oleh *usuliyun* iaitu ulama usul fiqh. Daripada dalil-dalil tersebut ada yang dalam bentuk nas syarak daripada al-Quran dan Sunnah, serta ada daripada kaedah penghujahan '*aqli* seperti dalil-dalil yang tidak disepakati. Daripada perbahasan usul fiqh, para *fuqaha* mengistinbat hukum tertentu berdasarkan kesesuaian dalil dan juga *waqi*'. Seumpama dalam konteks *ikhtilaf fihi* pada isu yang tiada nas, para ulama berpegang kepada mekanisma ijtihad yang berbeza seperti ijmak ahli Madinah, pendapat Sahabat, *istishab*, *al-masalih al-mursalah*, *al-urf* dan *istihsan*³⁰. Oleh kerana itu timbulnya istilah-istilah yang pelbagai dalam berhukum dalam aspek fiqh seperti *fiqh awlawiyyat*, *fiqh muwazanat*, *fiqh nawazil* dan sebagainya.

Pandangan ulamak kalam

Penggunaan hujah '*aqli* sememangnya tidak asing dalam kalangan ulama kalam. Ini kerana salah satu hujah dalam menetapkan keimanan adalah berdasarkan akal. Titik persamaan dalam penggunaan hujah ini di antara Ashai'rah, Maturidiyyah, Mu'tazilah dan ahli falsafah ialah pada aspek penggunaan metodologi akal. Namun terdapat beberapa golongan dalam aspek perbahasan ilmu kalam ini yang terlalu berlebih-lebihan dalam penggunaan hujah '*aqli* seperti golongan Mu'tazilah³¹. Dalam keharusan penggunaan hujah '*aqli* ini, Asha'irah dan Maturidiyyah meletakkan beberapa garis panduan agar akal tidak mendahului al-Quran dan al-Sunnah³², antaranya ialah:

1. Wajib berfikir (النظر) berasaskan neraca dalil-dalil syarak.
2. Keberhasilan ilmu selepas berfikir (النظر) adalah mengikut hukum adat.
3. Akal tidak mampu menafsirkan dosa dan pahala sebelum kedatangan wahyu kepada para nabi.
4. Mentakwilkan nas-nas berdasarkan *qat'ie* sekiranya ada pertembungan nas dengan '*aqli*.

Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam menerima penghujahan '*aqli* adalah didasari dengan hujah yang tersendiri dalam membezakannya dengan golongan Muktazilah yang terlalu menggunakan akal serta golongan Hashawiyyah yang menolak penggunaan akal³³. Walau bagaimanapun, penggunaan akal sebagai hujah tetap tidak boleh melangkaui nas-nas syarak. Sekalipun terdapat pertembungan makna pada zahir, para ulama tetap mentakwilkan dengan penggunaan akal yang tidak akan mencatitkan nas.

³⁰ Arieff Salleh bin Rosman. (2016). *Pemahaman Terhadap Metodologi Ikhtilaf Fiqhi Ke Arah Menyelesaikan Isu Fanatisme*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, Universiti Sains Islam Malaysia. Vol. 7. h. 81

³¹ Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi. (2013). *Kedudukan Akal Dalam Pendalilan Akidah*. Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia. Vol. 63. h. 35

³² *Ibid.* h. 36

³³ Muhammad Ropingi. (2018). *Posisi Akal Dalam Perspektif Dalil Akidah*. Risalah, Jurnal Pendidikan Dan Studi Islam, Fakultas Agama Islam, Uniersitas Wiralodra. Vol. 4. h. 101

RESENSI³⁴ PENGHUJAHAN 'AQLI DALAM KITAB FARIDAH AL- FARAIID

Tokoh ilmuan Nusantara ini yang banyak menyumbang dalam konteks ilmu-ilmu Islam, mempunyai kelebihan tersendiri dalam skop dakwah beliau. Penelitian kepada hujah-hujah 'aqli daripada beliau dalam kitabnya memudahkan penerimaan masyarakat untuk memahami isu-isu penting yang diperbahaskan dalam ilmu akidah. Aspek perbincangan untuk penghujahan 'aqli ini melibatkan dalam perbincangan *uluhiyyat* iaitu sifat-sifat bagi Allah. Dalam kerangka pemikiran beliau menerusi kitab tersebut, beberapa aspek hujah 'aqli diterangkan mengikut beberapa pendekatan, iaitu:

Menyatakan sifat berlawanan untuk *ithbat* sifat wajib

Pengarang mengemukakan sifat-sifat mustahil bagi Allah dalam perbincangan sifat-sifat Allah. Susunan yang diatur dalam perbincangan setiap sifat-sifat tersebut ialah dengan dimulai menyatakan sifat wajib bagi Allah, kemudian sifat mustahil bagi Allah dan dinyatakan dalil yang menunjukkan Allah bersifat dengan sifat wajib tersebut. Dengan sifat mustahil tersebut, pengarang menggunakannya untuk berdalil bahawa Allah bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan yang wajib bagiNya. Sifat mustahil ini adalah sebagai sifat yang bertentangan dengan sifat wajib. Ini digunakan untuk *ithbat* (menetapkan) sifat wajib yang dibincangkan. Antaranya seperti dalil bagi sifat *baqa'*, dengan katanya:

*"dan dalil baqa' Allah Taala itu bahawasanya jika ada Ia binasa nescaya adalah Ia baharu kerana tiap-tiap yang binasa itu harus adanya dan tiadanya dan tiap-tiap yang harus ada dan tiada itu baharu dan baharu Allah Taala itu mustahil kerana telah thabit qidamnya Taala maka thabitlah baqa'Nya"*³⁵.

Ithbat sifat *qidam* dengan mengemukakan sifat berlawanannya iaitu sifat mustahil bagi Allah. Sebagaimana juga bagi dalil bagi sifat *sama'* dan *basar*, dengan katanya:

*"dan dalil keduanya pula bahawasanya jika tiada bersifat Ia denga keduanya nescaya bersifat dengan tuli dan buta dan iaitu batil kerana keduanya sifat kekurangan dan kekurangan atas Allah Taala itu mustahil maka thabitlah bagiNya Taala sama' dan basar"*³⁶.

Mengaitkan hujah dengan hujah

Pengarang mengaitkan hujah yang telah digunakan bagi sifat-sifat Allah yang sebelumnya dengan hujah bagi sifat yang selepasnya. Kesenambungan hujah yang digunakan memudahkan pemahaman dan dalam masa yang sama di*ithbatkan* sifat yang sebelumnya. Metode ini dapat digunakan oleh pengarang pada penghujahan sifat *baqa'*, *mukhalafatuhu li al-hawadith*, *iradat*, *'ilm*, *hayat*, Antara contoh konsistensi hujah yang digunapakai oleh pengarang ialah pada memberi hujah bagi sifat *baqa'*, dengan katanya:

³⁴ Ia adalah suatu pertimbangan atau pembicaraan, ulasan penilaian terhadap sebuah karya, resensi terdiri dari kelebihan, kekurangan dan informasi yang diperoleh dari buku dan disampaikan kepada masyarakat. Lihat <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=resensi&d=69812&#>. Tarikh akses 9 Mac 2020.

³⁵ *Op-cit.* Ahmad bin Muhammad Zin (2007). H. 6

³⁶ *Op-cit.* Ahmad bin Muhammad Zin (2007). H. 10

“...(dan dalil) *baqa’* Allah Taala itu bahawasanya jika ada ia binasa adalah ia baharu kerana tiap-tiap yang binasa itu harus adanya dan tiadanya dan tiap-tiap yang harus ada dan tiada itu baharu dan baharu Allah Taala itu mustahil kerana telah thabit qidamnya Taala maka thabitlah *baqa’nya* dan apabila thabit *baqa’nya* mustahillah binasanya”³⁷.

Pengarang menghubungkan hujah bagi sifat *Qidam* yang telah disebut beliau dengan hujah sifat *Baqa’*. Contoh hujah bagi sifat *qiyamuhu binafsihi*:

“jika berkehendak Ia kepada yang menjadikannya nescaya adalah Ia baharu dan iaitu mustahil kerana telah terdahulu wajib qidamNya *subhanahu wa Taala* maka thabitlah berdirinya dengan sendirinya”³⁸.

Susunan sifat-sifat wajib bagi Allah dalam perbahasan sifat dua puluh ini mempunyai fungsi dan peranan tersendiri. Antaranya kaitan sifat dengan sifat yang dilihat membantu untuk difahami berdasarkan hujah yang telah dinyatakan bagi sifat yang sebelumnya.

Menguatkan *nas* al-Quran dengan hujah akal

Kesyumulan al-Quran merangkumi aspek individu, keluarga, masyarakat dan negara. Dalam pada wahyu hakiki ini menjadi tunjang utama sebagai sumber kehidupan muslim, pergantungan kepada sumber lain masih diterima pakai selagi tiada percanggahan dengan al-Quran. Akal menjadi salah satu sandaran penghujahan berdasarkan kepada rasional. Pengarang menggunakan kekuatan dan rasionalisme akal dalam menguatkan *nas* al-Quran bagi sifat-sifat Allah yang tertentu. Metode ini digunakan bagi tiga sifat wajib bagi Allah iaitu sifat *mukhalafatuhu li al-hawadith*, sifat *kalam* dan sifat *basar*. Bagi sifat *mukhalafatuhu li al-hawadith*, dalil yang dinyatakan oleh pengarang dalam kitab beliau ialah:

“ليس كمثلہ شيء وهو السميع البصير...”

Ertinya: “tiada umpamanya sesuatu dan Ia-lah yang amat mendengar dan amat melihat..”

Nas tersebut dikuatkan dengan hujah akal, dengan katanya:

“...jikalau menyerupai Ia akan yang baharu nescaya adalah Ia baharu pula dan iaitu mustahil kerana telah thabit sediaNya dengan dalil yang telah lalu..”³⁹.

Sebagaimana juga hujah bagi sifat *sama’* dan *basar*, dalil daripada *nas* al-Quran dikuatkan dengan hujah *‘aqli*, iaitu:

³⁷ *Op-cit.* Ahmad bin Muhammad Zin (2007). H. 6

³⁸ *Op-cit.* Ahmad bin Muhammad Zin (2007). H. 6

³⁹ *Op-cit.* Ahmad bin Muhammad Zin (2007). h. 6

“*dan dalil sama’ dan basar itu firman Allah Taala (وهو السميع البصير)*”.

Dalil ini dikuatkan lag dengan hujah ‘*aqli* oleh pengarang, iaitu:

“*dan dalil keduanya pula bahawasanya jika tiada bersifat Ia denga keduanya nescaya bersifat dengan tuli dan buta dan iaitu batil kerana keduanya sifat kekurangan dan kekurangan atas Allah Taala itu mustahil maka thabitlah bagiNya Taala sama’ dan basar*”.

Begitu juga dengan dali bagi sifat *kalam*, iaitu:

“*dan dalil kalam itu firman Allah Taala (وكلم الله موسى تكليما)*”.

Didatangkan hujah ‘*aqli* bagi sifat *sama’* ini ialah:

“*dan dalil kalam pula bahawasanya jikalau tiada berkata-kata Ianescaya adalah Ia bisu dan bisu itu kekurangan dan iaitu mustahil*”⁴⁰.

Mengemukakan sifat makhluk sebagai sifat yang tidak layak bagi Allah

Pengarang mengemukakan sifat makhluk untuk *ithbat* sifat-sifat wajib bagi Allah. Ini bermakna, setiap sifat yang ada pada makhluk adalah mustahil bagi Allah. Apabila sifat tersebut mustahil bagi Allah, maka layaklah Allah bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan. Antaranya seperti hujah bagi sifat *qiyamuhu bi nafsihi*, dengan katanya:

“*jika berkehendak Ia kepada yang menjadikanNya nescaya adalah Ia baharu dan iaitu mustahil*”⁴¹.

Hujah bagi sifat *wahdaniyah* pula, sebagaimana katanya:

“*dan dalil bersalahan Allah Taala bagi segala yang baharu bahawasanya jika menyerupai Ia akan yang baharu nescaya adalah Ia baharu pula dan iaitu mustahil*”⁴².

Hujah bagi sifat *sama’* dan *basar* iaitu:

“*dan dalil keduanya pula bahawasanya jika tiada bersifat Ia denga keduanya nescaya bersifat dengan tuli dan buta dan iaitu batil kerana keduanya sifat kekurangan dan kekurangan atas Allah Taala itu mustahil*”⁴³.

⁴⁰ *Op-cit.* Ahmad bin Muhammad Zin. (2007). h. 10

⁴¹ *Op-cit.* Ahmad bin Muhammad Zin. (2007). h. 6

⁴² *Op-cit.* Ahmad bin Muhammad Zin. (2007). h. 6

⁴³ *Op-cit.* Ahmad bin Muhammad Zin. (2007). h. 10

Contoh-contoh tersebut menunjukkan bahawa mengemukakan sifat bagi baharu iaitu makhluk. Diandaikan sekiranya Allah bersifat dengan sifat demikian maka Ia akan bersifat dengan sifat kekurangan yang ianya adalah mustahil di sisi Allah. Ini secara langsung akan digunakan untuk *ithbat* sifat wajib bagi Allah.

Menetapkan hujah akal dengan fakta

Ketepatan dan kesahihan fakta menjadi rujukan dalam menyakini sesuatu perkara. Fakta yang jelas dan tepat mempunyai kekuatan tersendiri sehingga penolakan kepadanya dikira mustahil. Medium yang digunakan adalah salah satunya akal. Penghujahan yang digunakan oleh pengarang juga menggunakan mekanisma tersebut bagi merasionalkan perkara yang dihujahkan. Antara bentuk hujah akal yang disertakan bersama fakta ialah:

“ dan dalil atas wujud Allah Taala itu segala makhluk ini...”⁴⁴.

Antara contoh lain ialah:

“...dan dalil qudrat itu bahawasa jikalau ada Ia lemah nescaya tiada didapatkan sesuatu daripada makhluk ini dan iaitu batil dengan musyahadah maka thabitlah qudratNya Taala..”⁴⁵.

Dikehendaki dengan *musyahadah* ialah melihat dengan mata kepala akan sesuatu perkara. Dalam masalah sifat qudrat ini, telah diyakini Allah bersifat demikian kerana kita telah *musyahadah* kepada alam ini. Iaitu menyaksikan kewujudan alam ini secara jelas.

Penelitian terhadap metode-metode penghujahan yang digunakan oleh pengarang, kebanyakan hujah *'aqli* lebih dominan berbanding hujah *naqli*. Kebanyakan dalil bagi sifat-sifat wajib bagi Allah memadai untuk difahami melalui hujah *'aqli* tersebut. Dalam pada itu juga, hujah-hujah tersebut mencukupi sebagai dalil *ijmali* bagi pegangan akidah dalam mempercayai dan mengimani sifat-sifat kesempurnaan bagi Allah. Metode-metode yang digunakan oleh pengarang tersebut menunjukkan penguasaan ilmu beliau melalui pendekatan yang padat, ringkas dan jelas. Pembicaraan sifat-sifat Allah dalam kitab beliau ringkas tapi terperinci dengan hanya sekitar dua belas halaman berdasarkan cetakan daripada *Matba'ah Bin Halabi*, Fatani.

KESIMPULAN

Ketokohan Syeikh Ahmad al-Fatani dalam merentasi kepelbagaian ilmu telah diiktiraf oleh ulama sezaman dan selepasnya. Sumbangan yang besar dalam menyebarkan ilmu bukan sahaja terikat dengan proses pengajaran sahaja bahkan beliau meninggalkan beberapa karya yang bernilai sebagai tatapan generasi terkemudian. Dapatan umum yang dapat dirumuskan dalam kajian ini bahawa beliau menggunakan beberapa metode tertentu dalam penghujahan *'aqli* dalam ilmu kalam untuk meng*ithbatkan* sifat-sifat wajib bagi Allah. Dalam masa yang sama, hal ini membantu pembaca dan penuntut untuk memahami hujah-hujah bagi sifat-sifat tersebut dengan hujah yang mudah dan padat. Kesesuaian kitab beliau terhadap masyarakat pada masa tersebut sehingga kini menjadikan

⁴⁴ *Op-cit.* Ahmad bin Muhammad Zin. (2007). h. 5

⁴⁵ *Op-cit.* Ahmad bin Muhammad Zin. (2007). h. 8

sumbangan beliau mampu diterokai dan menjadi penerus kepada kesinambungan ilmu-ilmu Islam.

RUJUKAN

- Abdul Ramae Sulong. *Pengaruh Karya Ulama Patani Terhadap Pendidikan Di Alam Melayu*. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017. Faculty of Islamic Studies Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Malaysia, Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University, Thailand, 2017
- Abdullah al-Rubaba'ah. *Al-'Aqlu Wa Makanatuhu Fi al-Quran Wa al-Sunnah*. Diperolehi dari laman sesawang <https://aliftaa.jo/Research.aspx?ResearchId=100#.Xqfa0q7ivD5>. Tarikh akses 28 April 2020.
- Ahmad bin Muhammad Zin. *Faridah al-Faraid fi 'Ilmi al-'Aqid*. Fatani: Matba'ah bin Halabi, 2007.
- Al-Ghazali. *Mi'yar al-'Ilm*, ed. Sulaiman Dunya, Mesir: Dar al-Ma'arif, t.t.
- Al-Sayiid Rizq al-Hajar. *Masailu al-'Aqidah Wa Dalailuha Baina al-Burhaniyyati al-Quraniyyah Wa al-Istidlal al-Kalami*. Idarah al-Da'wah Wa al-Ta'lim. Bil. 223, 2007.
- Arief Salleh bin Rosman. *Pemahaman Terhadap Metodologi Ikhtilaf Fiqhi Ke Arah Menyelesaikan Isu Fanatisme*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, Universiti Sains Islam Malaysia. Vol. 7, 2016
- Che Ku Nur Salieyah. *Sheikh Ahmad Fatani & his Contribution in (Fiqh) Islamic Jurisprudence Writing*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 2017. Vol. 7. No. 4, 2017.
- Jasni Bin Sulong. *Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis Daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-undang Dan Fatwa Di Pulau Pinang*. Jurnal Afkar, Universiti Malaysia. Vol. 18, 2016.
- Katalog Pameran Manuskrip Melayu, Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu kedua 15-20 Ogos 1989. Perpustakaan negara Malaysia.
- Muhammad Al-Zuhaili. *Mazhab Al-Asy'ariah Prinsip dan Sejarah*. Terjemahan Zulkifli Mohamad Al-Bakri. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011.
- Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi. (2013). *Kedudukan Akal Dalam Pendalilan Akidah*. Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia. Vol. 63.
- Muhammad Ropingi. *Posisi Akal Dalam Perspektif Dalil Akidah*. Risalah, Jurnal Pendidikan Dan Studi Islam, Fakultas Agama Islam, Uniersitas Wiralodra. Vol. 4, 2018.

- Muhammad Syafiq Ismail. *Akal Dan Nas: Antara Zahiriyah Dan Maqasidiyah*. Kertas kerja yang dibentang di Simposium Mahasiswa Malaysia Arab Saudi kali ke-2, anjuran Persatuan Mahasiswa Malaysia Arab Saudi (PERSADA Madinah), dengan kerjasama Persatuan Pelajar Malaysia Riyadh (PPM Riyadh) dan Persatuan Pelajar Malaysia Mekah (PPM Mekah), bertempat di Dewan Tsaqafah, Univ. Islam Madinah, pada 19 Mac 2016.
- Muhammad Zaidi Abdullah. *Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal-Jamaah: Satu Keluhuran dan Kemurniaan Hidup*. Shah Alam: Print Expert Sdn.Bhd. Cet. 2 2012.
- Saeful Anwar. *Filsafat Ilmu Al-Ghazali: Dimensi Ontologi dan Aksiologi*. Bandung: Pustaka Seri Setia Bandung. Cet. 1, 2007.
- Shahir Akram Hasan. *Kedudukan Wahyu Dan Akal Dalam Penghujahan Berdasarakan Ilmu Mantik*. Jurnal Sains Humanika. Universiti Sains Malaysia. Vol. 9, 2017.
- Wahbah Al-Zuhaili. *Al-Wajiz Fi Usul Al-Fiqh*. Beirut: Dar Al-Fikr Al-Mu'asir, 1999.
- _____. *Al-Wajiz Fi Usul Al-Fiqh*. Damsyik: Dar al-Fikr. Cet. 1, 1999.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. *Fatawa Tentang Binatang Hidup Dua Alam Syeikh Ahmad al-Fatani*. Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi, 1990.
- _____. *Al-'Allamah Syeikh Ahmad al-Fatani ahli fikir Islam dan Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah. Jil. 1, 1992.
- _____. *Wawasan pemikiran Islam ulama Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah. Jil.2, 2000.
- _____. *Tuan Mukhtar Bogor Ulama Ahli Syariat dan Haqiqat*. Dalam Mega (Utusan Malaysia), Kuala Lumpur, 2005.